

TEKS UCAPAN
YB MENTERI KERJA RAYA
DI MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM JELAJAH
FTROADPEDIA ZON TIMUR KEMENTERIAN KERJA RAYA 2017

Bismillahirrahmanirrahim,
(Salutations)

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

YAB Dato' Seri dan hadirin sekalian,

1. Syukur Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinnya jua, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Penutup Program Jelajah FTRoadpedia Kementerian Kerja Raya 2017 bagi Zon Timur. Ini merupakan jelajah FTRoadpedia yang kedua dilaksanakan selepas jelajah pertama pada tahun 2016 melibatkan sebahagian laluan FT05 dari Kuala Selangor, Selangor hingga ke Manjung, Perak. Jelajah FTRoadpedia Zon Timur ini meliputi laluan Jalan Persekutuan FT68 dari Gombak ke Bentong, Jalan Persekutuan 2 (FT02) dari Bentong ke Kuantan dan Jalan Persekutuan 3 (FT03) dari Kuantan ke Kuala Terengganu. Turut serta dalam rombongan jelajah ini adalah pegawai-pegawai dari Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia, CIDB, RakanKKR dan pihak media.

2. Semalam kami memulakan perjalanan dari Kementerian Kerja Raya di Kuala Lumpur dan seterusnya menyusuri Jalan Persekutuan 68 (FT68). FT68 ialah Jalan Persekutuan yang menghubungkan Gombak di Selangor hingga ke Kampung Ketari di Bentong, Pahang. Seterusnya perjalanan kami memasuki laluan Persekutuan 2 (FT02) dari Bentong ke Kuantan. Pagi ini kami memulakan perjalanan dari Kuantan ke Kuala Terengganu. Alhamdulillah sepanjang perjalanan melalui Chukai (Kemaman), Dungun dan seterusnya saya bersama peserta Jelajah FTRoadpedia telah singgah di Tapak Projek Kuala Terengganu Bypass, Kuala Ibai dan mendengar taklimat projek serta singgah makan tengahari dan solat Jumaat di Masjid Tengku Tengah Zaharah (Masjid Terapung Kuala Ibai). Sepanjang perjalanan di FT03 kami dapat menikmati keindahan sepanjang perjalanan, dan tidak hairanlah FT03 mendapat pengiktirafan sebagai salah satu dari 10 lebuhraya pantai terbaik di Asia oleh National Geographic Society.

3. Saya ingin menyampaikan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada YB Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian Dan Perdagangan Negeri Terengganu yang mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abdul Rahman, Menteri Besar Terengganu kerana dapat melapangkan masa untuk sama-sama dalam majlis ini. Terima kasih YB Dato' dan kerajaan Negeri Terengganu kerana sudi memberikan kerjasama dan bantuan kepada KKR bagi menjayakan program ini.

4. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri Pahang, JKR Negeri Terengganu, JKR Negeri Pahang, dan semua pihak yang terlibat termasuk UKK KKR, Bahagian, Agensi, Jabatan, RakanKKR dan Media yang turut sama berganding bahu didalam merancang, menganjurkan dan terlibat dalam program yang sangat penting dan bermakna ini.

5. Adalah diharapkan usaha melaksanakan program Jelajah FTRoadpedia akan mencapai objektif penganjurannya iaitu:-

- i. Memberi **pembaharuan imej dan perspektif positif** (*refreshment outlook*) terhadap Jalan Persekutuan yang dibina dan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR);
- ii. Menonjolkan (*highlight*) **Jalan Persekutuan sebagai jalan utama**; dan
- iii. Menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan Jalan Persekutuan sebagai suatu nikmat kembara budaya dan gaya hidup melalui slogan “**Cipta Detik Indah Bersama**” (*Let’s Create A Moment*).

JALAN PERSEKUTUAN (FEDERAL ROAD)

YB Dato' dan Hadirin yang dihormati sekalian,

6. KKR merupakan kementerian yang bertanggungjawab dalam hal-hal merancang pembangunan rangkaian Jalan Persekutuan di seluruh Negara serta menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek jalan Persekutuan dan lain-lain projek di bawah seliaan KKR. Manakala JKR yang merupakan salah satu daripada agensi di bawah Kementerian Kerja Raya merupakan sebuah agensi teknikal utama negara yang bertanggungjawab melaksanakan pembangunan projek di seluruh negara termasuk projek pembinaan dan penyenggaraan jalan. Slogan '**Ke Arah Kesejahteraan Rakyat**' bagi KKR dan '**Jasa Kepada Rakyat**' bagi JKR, adalah sejajar dengan fungsi dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh kementerian ini.

7. Sehingga tahun 2016, kerajaan persekutuan telah membina **14,737.71 kilometer rangkaian Jalan Persekutuan** yang menghubungkan antara bandar dan negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Sekiranya diambilkira jumlah Jalan Persekutuan di Sabah Sarawak dan W.P. Labuan serta Lebuh raya bertol, jumlah panjang Jalan Persekutuan keseluruhannya adalah **19,822.01 km**. Di negeri **Terengganu** terdapat **1,275.71 km** manakala di negeri **Pahang** pula terdapat **3,870.07 km** jalan persekutuan. Jumlah tersebut sentiasa bertambah kerana terdapat lagi projek-projek pembinaan jalan yang sedang dilaksanakan pada masa ini di seluruh negara.

8. Jalan-jalan Persekutuan adalah rangkaian jalan raya primer (jalan utama) yang diwartakan di bawah kuasa Menteri Kerja Raya seperti yang diperuntukkan dalam **Akta Jalan-jalan Persekutuan 1959**. Ianya merupakan jalan raya primer jarak jauh yang menghubungkan antara ibu negeri, bandar-bandar utama serta jalan-jalan ke pintu masuk utama negara termasuklah jalan masuk pelabuhan serta jalan masuk ke lapangan terbang. Jalan Persekutuan ini diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan dikenali dengan FT (*federal trunkroad*).

9. Secara umum, terdapat 10 jajaran laluan utama Jalan Persekutuan yang merentasi destinasi dari **utara ke selatan** dan dari **timur ke barat** di Semenanjung Malaysia. Laluan berkenaan adalah:

- a. FT01 dari Bukit Kayu Hitam, Kedah ke Johor Bahru, Johor sepanjang 826.6km;
- b. FT02 dari Pelabuhan Kelang, Selangor ke Pelabuhan Kuantan, Pahang sepanjang 276.9km;
- c. FT03 dari Rantau Panjang, Kelantan ke Johor Bahru, Johor sepanjang 739.06km;
- d. FT04 dari Butterworth, Pulau Pinang ke Pasir Puteh, Kelantan sepanjang 307km;

- e. FT05 dari Jelapang, Perak ke Skudai, Johor sepanjang 655.9km;
- f. FT08 dari Kota Bharu, Kelantan ke Bentung, Pahang sepanjang 402.7km;
- g. FT09 dari Karak, Pahang ke Tampin, Negeri Sembilan sepanjang 138.1km;
- h. FT12 dari Gambang, Pahang ke Segamat, Johor sepanjang 146.8km;
- i. FT50 dari Batu Pahat ke Jemaluang, Johor sepanjang 140km; dan
- j. FT185 dari Simpang Pulai, Perak ke Kuala Jeneris, Terengganu sepanjang 313.6km

ADUAN JALAN KKR

YB Dato' dan Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, KKR sentiasa melakukan penambahbaikan dalam aspek pengurusan jalan termasuk memberi peluang kepada rakyat untuk membuat aduan dan

cadangan ke arah penambahbaikan pengurusan sistem jalanraya di negara kita. Pihak KKR amat mengalu-alukan sebarang pandangan dan cadangan untuk memastikan jalanraya kita sentiasa dalam keadaan baik untuk dilalui.

11. Sehingga kini kita telah sediakan 15 saluran aduan dan yang terkini Kementerian Kerja Raya (KKR) telah membangunkan aplikasi saluran aduan menggunakan telefon pintar sebagai satu usaha inovasi memudahkan pengguna jalanraya menyalurkan aduan iaitu Aplikasi Mobile **Aduan Jalan KKR**. Aplikasi ini merupakan alternatif kepada saluran aduan sedia ada. Setiap aduan boleh disalurkan melalui telefon pintar pengguna dengan menyertakan foto lokasi aduan selain diintegrasikan dengan fungsi *Geographical Information System* (GIS), di mana lokasi aduan adalah lebih tepat dan seterusnya memudahkan tindakan susulan diambil pihak KKR.

12. Aplikasi ini adalah percuma dengan memuat turun daripada *App Store* dan *Play Store*. Terdapat beberapa langkah mudah dalam menggunakan aplikasi ini di mana pengguna hanya perlu menghantar foto dan lokasi aduan, memilih jenis aduan, mengisi maklumat aduan dan seterusnya menghantar aduan tersebut.

13. Pelancaran Aplikasi Mobile Aduan Jalan KKR ini merupakan pendekatan proaktif KKR dalam memastikan usaha aduan kerosakan infrastruktur jalanraya dapat disalurkan dengan mudah selaras

perkembangan teknologi dan peningkatan penggunaan telefon pintar di Malaysia pada masa kini oleh semua demografik masyarakat.

IMPAK PROGRAM

YB Dato' dan Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Menurut sumber daripada Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) sebanyak 1.6 juta kenderaan dianggarkan menggunakan Lebuhraya tersebut setiap hari khusus pada waktu puncak sempena cuti sambutan Aidilfitri tahun 2016. Kapasiti biasa penggunaan PLUS adalah sekitar 1.2 juta kenderaan setiap hari. Peningkatan kapasiti kenderaan ini sudah pasti menyebabkan kesesakan Lebuhraya dan menjadikan tempoh perjalanan semakin panjang. Situasi ini boleh membawa kepada kesan emosi kurang baik pengguna jalanraya yang menyumbang kepada peningkatan kemalangan di Lebuhraya.

15. Kesesakan dan kemalangan pasti dapat dikurangkan seandainya penyuraian trafik di Lebuhraya berlaku dengan pengguna jalanraya memilih Jalan Persekutuan sebagai pilihan utama untuk menuju destinasi masing-masing. Justeru pihak Kementerian berharap selepas melaksanakan program Jelajah FTRoadpedia ini, dengan penghasilan produk utama pasca program iaitu bahan promosi seperti Info Map Jalan Persekutuan, Footage dan Travel Guide Book yang mengandungi banyak informasi dan promosi laluan Jalan Persekutuan ini akan meningkatkan kesedaran kepada pengguna jalanraya tentang kelebihan dan keistimewaan menggunakan Jalan Persekutuan.

16. Program ini juga pasti menjadi pendekatan ke arah menggalakkan rakyat menggunakan Jalan Persekutuan dengan menyebarkan maklumat tentang pelbagai kemudahan dan tempat-tempat menarik yang ada di sepanjang laluan. Ianya sudah pasti memberikan persepsi positif kepada rakyat tentang keprihatinan dan usaha kerajaan menyediakan infrastruktur yang berkualiti dan bertaraf tinggi untuk kemudahan rakyat tanpa pertambahan kos.

17. Salah satu aspek yang tidak kurang pentingnya ialah program ini dapat membantu meningkatkan industri pelancongan dan ekonomi setempat di sepanjang jalan persekutuan yang semakin dilupakan. Maklumat mengenai Jalan Persekutuan ini akan disebarkan melalui pelbagai saluran media dan KKR berharap ianya akan dapat akan membentuk persepsi rakyat seterusnya menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan Jalan Persekutuan sebagai suatu nikmat kembara budaya dan gaya hidup melalui slogan “**Cipta Detik Indah Bersama**” (*Let's Create A Moment*).

18. Akhir kata, saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian Dan Perdagangan Negeri Terengganu yang mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abdul Rahman, Menteri Besar Terengganu kerana sudi bersama kita pada majlis ini. Terima kasih kepada YAB Menteri Besar dan kerajaan Negeri

Terengganu kerana sudi memberikan kerjasama dan bantuan kepada KKR menjayakan program ini dan seterusnya membuka peluang kerjasama yang lebih erat pada masa akan datang. Kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program ini juga sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalmualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.